

21/02/1998

Usah tamak: Mahathir (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kuasa dan kekayaan perlu dikongsi, bukannya dibolot sehingga pihak lain tidak mendapat peluang yang sama dalam pembangunan negara.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, pemimpin dan rakyat jangan tamak dalam mengejar kuasa politik atau kekayaan ekonomi kerana akhirnya ia menyebabkan mereka tidak mendapat apa-apa.

Menurutnya, kerajaan Barisan Nasional (BN) percaya amalan bekerjasama dan saling membantu membolehkan semua pihak mendapat bahagian yang lebih besar berbanding jika berjuang bersendirian.

Perkara yang sama juga berlaku dalam ekonomi kerana walaupun seseorang mendapat 100 peratus daripada apa yang diinginkannya, ia pasti lebih kecil berbanding hanya separuh yang dapat diperolehinya jika dia sedia berkongsi kekayaan ekonomi lebih besar.

"Dengan kesediaan untuk berkongsi, akan timbul keharmonian dalam negara dan dengan itu barulah kita dapat berusaha untuk memajukan lagi ekonomi," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen BN Sabah di Auditorium Yayasan Sabah di Likas, pagi ini.

Konvensyen sehari bertemakan 'Keadilan Untuk Semua' itu dihadiri kira-kira 3,000 pemimpin dan wakil parti-parti komponen BN Sabah. Ia antara lain bertujuan memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan parti komponen selain membentuk semangat patriotisme dan solidariti.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Yong Teck Lee; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam dan Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN menasihatkan pemimpin politik supaya jangan mengikut emosi dalam membuat sesuatu tindakan, sebaliknya terus berpegang kepada prinsip perhitungan secara bijak dan keadilan demi kebaikan bersama.

"Jika sesuatu tindakan dibuat mengikut perasaan, ia tidak mendatangkan manfaat, sebaliknya memburukkan lagi keadaan," katanya sambil meminta hadirin mengimbas semula sejarah penubuhan BN yang mengambil kira kepentingan semua pihak tanpa mengetepikan hak orang lain.

"Kita perlu tahu sejarah BN... bermula daripada parti Perikatan kerana timbul satu kesedaran bahawa kalau kita ingin sesuatu, maka kita harus memberi penghargaan kepada perhitungan lebih daripada emosi dan perasaan.

"Kalau kita hendak ikut perasaan dan emosi sentimen, maka mungkin kita tidak akan mencapai kejayaan. Kita menerima falsafah kerjasama dan keadilan untuk semua yang akhirnya menjadikan negara kita lebih aman dan kaya walaupun masing-masing kaum hanya mendapat sedikit saja dari bahagian berkenaan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak mengambil jalan mudah untuk memberi keadilan semua sehingga menyerupai tindakan 'Robin Hood' yang mengambil harta daripada orang kaya untuk diberikan kepada golongan miskin.

Menurutnya, setiap individu mempunyai kebolehan masing-masing untuk memajukan diri dalam ekonomi dan kerana itu "kita tidak menghapuskan yang kaya ini, sebaliknya kita cuba menaikkan yang miskin supaya mereka juga dapat menjadi kaya."

Apa yang dilakukan ialah mengangkat kedudukan yang miskin ke tahap lebih tinggi dan bukannya menurunkan taraf mereka yang kaya supaya sama dengan

golongan miskin.

"Kerana itulah kerajaan memberi perhatian kepada masyarakat Bumiputera yang jauh ketinggalan dengan cara memberi latihan dan peluang agar mereka dapat menjadi sama dengan yang sudah maju.

"Rakyat perlu mengiktiraf bahawa BN dengan kerjasama yang utuh di dalamnya berjaya mengukuhkan kedudukan negara... tetapi kalaulah parti komponen BN ini tidak pentingkan keadilan untuk semua, maka akan berpecahlah BN dan hari ini mungkin kita terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa asing," katanya.

(END)